

Thailand, Kemboja perlu rai semangat dialog atasi konflik

Anwar tegaskan Mesyuarat Menteri Luar ASEAN wadah kedua-dua negara berunding secara terbuka

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri berkata penting bagi Kemboja dan Thailand berpegang kepada semangat dialog, kebijaksanaan dan saling menghormati demi menamatkan ketegangan serta memelihara keamanan dan kestabilan rantau ASEAN.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau juga berhubung dengan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet dan Thailand, Anutin Charnvirakul, bagi bertukar pandangan serta membincangkan hala tuju terbaik ke arah meredakan ketegangan yang timbul antara kedua-dua negara.

Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN dijangka berlangsung hari ini yang bakal menjadi wadah konstruktif untuk Kemboja dan Thailand berunding secara terbuka dalam menyelesaikan konflik sempadan kedua-dua negara.

"Saya menegaskan pentingnya untuk Kemboja dan Thailand berpegang kepada semangat dialog, kebijaksanaan dan saling menghormati demi menamatkan ketegangan serta memelihara keamanan dan kestabilan rantau ini," katanya dalam kenyataannya dalam media sosial FB semalam.

Perdana Menteri berkata pertemuan pemimpin dua negara itu pada mesyuarat berkenaan akan menyelesaikan perbezaan secara aman sekali gus mencapai penyelesaian yang adil dan berkekal.

"Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN yang akan berlangsung esok (hari ini) adalah wadah sesuai dan konstruktif untuk membolehkan kedua-dua negara berunding secara terbuka, selesaikan perbezaan secara aman, serta mencapai penyelesaian yang adil dan berkekal," katanya.

"Pertemuan pemimpin dua negara itu pada mesyuarat berkenaan akan selesaikan perbezaan secara aman sekali gus mencapai penyelesaian yang adil dan berkekal"

Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri



Thailand dan Kemboja dalam pertikaian sejak bertahun-tahun mengenai sebahagian sempadan darat sepanjang 817 kilometer.

Ia termasuk memabitkan perebutan ke atas kuil purba di kawasan berkenaan yang menyaksikan pertempuran bersenjata, termasuk insiden berbalas tembakan artileri selama seminggu yang meragut banyak nyawa pada 2011.

Ketegangan kembali memuncak pada Mei lalu selepas seorang tentera Kemboja terbunuh dalam satu pertempuran kecil, mencetuskan peningkatan ketara kehadiran tentera dan pertempuran baharu yang menjejaskan hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Ketegangan terbaharu

Ketegangan baharu pula tercetus dua minggu lalu apabila seorang askar Thailand terbunuh terkena jerangkap samar.

Malaysia atas kapasiti Pengerusi ASEAN 2025 berusaha membawa kedua-dua pihak ke meja rundingan bagi menghentikan konflik bersenjata itu.

Pada 26 Oktober lalu, Kemboja dan Thailand menandatangani Perjanjian Damai Kuala Lumpur yang diusahakan Malaysia serta Amerika Syarikat ketika Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan sidang kemuncak berkaitan di Kuala Lumpur.

Sementara itu, Wisma Putra dalam kenyataan berkata mesyuarat khas itu adalah susulan kepada persetujuan dicapai Anwar, Kemboja dan Thailand pada 11 Disember lalu.

"Mesyuarat Khas itu akan dipengerusikan Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

"Ia akan memberikan satu wadah kepada Menteri Luar ASEAN untuk bertukar pandangan mengenai situasi semasa antara Kemboja dan Thailand, serta mempertimbangkan langkah boleh diambil ASEAN bagi menyokong usaha berterusan untuk meredakan ketegangan dan menghentikan permusuhan, demi keamanan serta kestabilan antara kedua-dua negara anggota ASEAN itu dan rantau ini secara keseluruhan," katanya.

Wisma Putra berkata, penganjuran mesyuarat khas itu mencerminkan komitmen terhadap perpaduan dan solidariti ASEAN, serta pematuhan kepada Kepusatan ASEAN dalam memastikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau, selaras Piagam ASEAN dan Triti Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC).

"Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia kekal komited memainkan peranan yang konstruktif dalam memudah cara dialog berlandaskan semangat ASEAN dan dalam hal itu, untuk membantu kedua-dua pihak supaya terus menjunjung prinsip undang-undang antarabangsa, hubungan kejiranan yang baik termasuk kewujudan bersama secara aman, serta kerjasama dua hala dan pelbagai hala ke arah mencapai penyelesaian yang aman, adil serta berkekal terhadap sebarang pertikaian," kata kenyataan itu.